

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pelan Integrasi Nasional yang di perkenalkan oleh Kerajaan dalam memastikan perpaduan di kalangan rakyat benar-benar di hayati oleh semua kaum.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Kerajaan tidak pernah mempunyai Pelan Integrasi Nasional, walaubagaimanapun, pelan yang dikaitkan dengan perpaduan rakyat ialah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*Unity Blueprint*) yang masih diperingkat penyediaan. Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah diamanahkan untuk menyediakan input dalam membentuk Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*Unity Blueprint*) yang akan diserahkan kepada pihak kerajaan untuk tindakan selanjutnya.

Majlis ini telah memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang – bidang yang telah ditentukan ialah:

- i. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara;
- ii. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
- iii. Pembangunan inklusif;
- iv. Belia dan perpaduan; dan
- v. Integrasi nasional.

Majlis ini dijangka akan mengemukakan draf pelan tersebut kepada Kerajaan pada penghujung tahun 2014.